



Harian Metro
26/08/2009
Page: 27
Business & Finance
Region: Malaysia
Circulation: 289315
Type: Malaysia - Malay Newspapers
Size: 42.91 sq.cms
Frequency: MTWTFS

Kembang aset AS\$1.7 bilion

CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd menyasar untuk mengembangkan asetnya dalam pengurusan kepada AS\$1.7 bilion menjelang akhir tahun memandangkan pasaran berpotensi tinggi untuk instrumen berasaskan Islam di peringkat dunia, kata ketua eksekutifnya, Datuk Noripah Kamso, semalam.

Syarikat cabang CIMB Principal Asset Management Bhd, itu mempunyai kira-kira AS\$1.3 bilion aset di bawah pengurusannya sehingga 30 Jun 2009.

“Sebagai syarikat bebas sekarang, kami meninjau untuk menambah AS\$400 juta untuk tahun ini,” katanya selepas taklimat mengenai kajian penyelidikan ‘Masa Depan Pelaburan: Langkah Seterusnya?’ yang dikendalikan Principal Global Investors. - Bernama